

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI  
DALAM SIRI CERAMAH OLEH MENTERI-  
MENTERI MELALUI SUARA MALAYSIA  
PADA 14HB DISEMBER, 1963

Malaysia sebagai sebuah negara percantuman di antara Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak telah selamat dilahirkan pada 16hb September, 1963. Malaysia telah ditubuhkan dengan tujuan hendak melepaskan Negara-negara Singapura, Sabah dan Sarawak daripada genggaman penjajahan supaya Negara-negara itu dapat menjadi merdeka. Penubuhan Malaysia ini dijalankan menurut hasrat dan kehendak-kehendak rakyat Singapura, Sabah dan Sarawak untuk bersama-sama menikmati kebahagiaan, kesejahteraan, kemerdekaan dan demokrasi seperti yang sedang dirasakan oleh saudara-saudara mereka di Persekutuan Tanah Melayu semenjak Tanah Melayu mendapat kemerdekaannya tujuh tahun yang lalu.

Rakyat Malaysia tidak mengerti apakah sebabnya penubuhan Malaysia ini telah ditentang dengan hebatnya oleh Indonesia sehingga Indonesia telah melancarkan Konfrontasi terhadap Malaysia dalam lapangan politik, ekonomi dan military. Kita tidak faham apakah sebab-sebabnya yang sebenar yang telah mendorong Indonesia menunjukkan sikap permusuhan dan mengambil tindakan yang begitu khianat terhadap Malaysia. Hampir semua negara-negara dunia ini termasuklah Negara-negara Komunis telah mengalu-alukan kelahiran Malaysia, kerana dunia faham bahawa Negara Malaysia telah ditubuhkan menurut kehendak dan hasrat rakyat dan menurut dasar antara bangsa.

Malaysia sungguh suka hendak duduk dalam keadaan aman, damai dan berbaik-baik dengan semua negeri di dunia ini, terutama sekali negeri-negeri yang berjiran dengannya. Rakyat Malaysia mensifatkan rakyat Indonesia sebagai saudara-saudara mereka sendiri kerana rakyat kedua-dua negeri ini adalah mempunyai satu asal, satu bahasa dan satu kebudayaan. Semenjak Persekutuan

Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya, Kerajaan Tanah Melayu telah mengambil beberapa langkah untuk mengeratkan tali persahabatan dan persaudaraan dengan Indonesia. Mula-mulanya telah dicadangkan iaitu patutlah diadakan satu badan di antara dua negara ini untuk menyatukan Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia, yang asalnya satu itu supaya dapat diadakan suatu ejaan sahaja dan akhirnya dapat dua Bahasa itu dijadikan satu Bahasa. Pihak Tanah Melayu telah menubuhkan Jawatankuasanya, akan tetapi Indonesia tidak mengambil apa-apa langkah. Begitu juga pada tahun 1959 telah ditandatangani satu perjanjian persahabatan oleh Perdana Menteri Tanah Melayu dan Perdana Menteri Indonesia, pada masa itu ialah Allah Yarham Dr. Tun Djaunda. Semenjak diadakan perjanjian persahabatan itu pihak Persekutuan Tanah Melayu telah mengambil langkah-langkah untuk menjalankan kehendak-kehendak perjanjian itu bagi mengeratkan perhubungan iktisad dan kebudayaan di antara Tanah Melayu dengan Indonesia, akan tetapi balasan kepada semua langkah-langkah ini ialah Konfrontasi daripada Indonesia.

Berkenaan dengan penubuhan Malaysia telah dipersetujui di Persidangan Menteri-menteri Luar Filipina, Indonesia dan Tanah Melayu di Manila dan persetujuan ini disahkan oleh Persidangan Ketua-ketua Kerajaan, iaitu Presiden Soekarno, Presiden Macapagal dan Perdana Menteri Tanah Melayu Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putra, iaitu jikalau Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu atau wakilnya sebagai orang tengah dapat mengesahkan yang rakyat Sabah dan Sarawak itu berkehendakkan Malaysia, Indonesia dan Filipina akan menyambut dan menerima Malaysia. Pihak Malaysia telah menunaikan janji ini dengan sepenuh-penuhnya dan telah bersetuju menjemput Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu menghantarkan wakil-wakilnya menyiasat kehendak-kehendak rakyat Sabah dan Sarawak. Untuk memberi kesempatan yang penuh bagi wakii-wakil U Thant menjalankan tugasnya, pihak Malaysia telah bersetuju menangguhkan penubuhan Negara baharu itu dari 31hb Ogos, tarikh yang telah ditetapkan itu kepada 16hb September dengan beberapa kesukaran. Akan tetapi apabila sahaja pihak utusan U Thant telah menyatakan pendapat-pendapatnya dan menentukan yang rakyat Sabah dan Sarawak itu berkehendakkan Malaysia, pihak Indonesia dan Filipina tidak menunaikan janji yang diperbuat di Manila dan tidak menyambut dan menerima Malaysia. Rakyat Malaysia hairan mengapa Presiden Soekarno dan rakan-rakannya tidak menunaikan janji yang dibuat

oleh mereka itu, dan yang telah ditandatangani di Persidangan Kemuncak di Manila. Dengan sebab itu perhubungan diplomatik di antara Malaysia dengan Indonesia telah putus.

Begitu juga Presiden Soekarno dan pemimpin-pemimpin Indonesia telah menuduh bahawa Malaysia ini ialah neo-kolonialisem ataupun penjajahan bentuk baharu. Ini adalah tuduhan yang dibuat semata-mata untuk mengelirukan rakyat Indonesia supaya memandang serong dan bermusuhan dengan rakyat dan saudara-saudara mereka di Malaysia. Akan tetapi apa yang sebenarnya ialah Persekutuan Tanah Melayu yang telah mencapai kemerdekaan selama tujuh tahun itu telah menunjukkan kepada dunia bahawa negara ini adalah berjalan dengan majunya dan dapat menjaga keselamatan dan ketenteraman serta berhubung baik di antara penduduk-penduduknya daripada berbagai-bagai bangsa dan ugama. Dengan sebab Tanah Melayu berasa bertanggungjawab bagi memperjuangkan nasib saudara-saudaranya di Singapura, Sabah dan Sarawak, Tanah Melayu telah menganjurkan penubuhan Malaysia supaya rakyat di negeri-negeri itu dapat dilepaskan daripada tekanan dan genggaman penjajahan British. Dengan terbentuknya Malaysia dapatlah dihapuskan penjajahan di Tenggara Asia ini. Begitu juga Presiden Soekarno dan pembesar-pembesar Indonesia mengatakan bahawa Malaysia ini mengancam akan keselamatan dan kedudukan Indonesia. Tuduhan ini pun tidak dapat diterima oleh orang-orang yang mempunyai fikiran yang siuman, kerana bagaimanakah sebuah negara yang mempunyai rakyat sepuluh juta ramainya boleh mengancam dan merupakan suatu bahaya kepada negara yang lebih besar seperti Indonesia, yang mempunyai rakyat seramai satu ratus juta orang, iaitu sepuluh kali ganda banyaknya daripada rakyat Malaysia. Tentulah sekali perkara ini mustahil. Begitu juga pada masa Sabah dan Sarawak di bawah pemerintah penjajahan British tuduhan semacam ini tidak dikeluarkan. Sekarang Sabah dan Sarawak telah menjadi sebahagian daripada negara yang merdeka iaitu Malaysia, berbagai-bagai tuduhan dan tentangan telah dihadapkan kepada Sabah dan Sarawak dan juga Malaysia.

Malaysia adalah ditadbirkan dengan cara demokrasi dan rakyat mempunyai kebebasan yang penuh. Di Malaysia rakyat memilih Kerajaannya sendiri dan kerana itu Kerajaan Malaysia sentiasa

memikirkan kepentingan rakyat dan sentiasa menjaga kesejahteraan dan kemakmuran rakyat. Kerajaan Pusat Malaysia adalah mengutamakan Rancangan Pembangunan Negara, terutama sekali Rancangan-rancangan Pembangunan Luar Bandar, supaya dapat memberi rakyat di seluruh Malaysia baik di bandar-bandar mahupun di kampung-kampung perubahan-perubahan nasib dan kebahagiaan hidup. Dalam masa yang singkat, iaitu tiga tahun semenjak Rancangan Pembangunan Luar Bandar dilancarkan, Kerajaan Malaysia telah berjaya membuka tanah-tanah baharu seluas 400,000 ekar dan beribu-ribu orang famili yang dulunya tidak mempunyai pekerjaan telah diberi pekerjaan dan tempat kediaman yang sempurna dan teratur. Jalan-jalan raya yang baharu telah dibina di kampung-kampung, beratus sekolah-sekolah rendah, menengah dan tinggi, klinik-klinik, balai-balai raya, masjid-masjid dan madrasah-madrasah dan berbagai-bagai kemudahan lagi telah dapat disampaikan kepada rakyat untuk kebaikan dan kesenangan mereka itu. Rakyat di Sabah dan Sarawak juga akan dapat menikmati kemudahan-kemudahan ini tidak berapa lama lagi apabila Rancangan Pembangunan Lima Tahun di wilayah-wilayah itu yang baharu sahaja dipersetujui dapat dijalankan. Rakyat Malaysia suka hendak bersama-sama maju dengan rakyat Indonesia bagi menerima kesenangan dan kebahagiaan hidup. Rakyat Malaysia tidak hendak bermusuhan dengan rakyat Indonesia, bahkan mensifatkan mereka itu sebagai saudara dan suka hendak mempunyai perhubungan yang rapat. Akan tetapi dasar pemerintah Indonesia yang ada sekarang yang mensifatkan Malaysia sebagai musuh tidak dapat diterima dan adalah menentang persaudaraan dan persahabatan rakyat Malaysia dan rakyat Indonesia.

Kita di Malaysia mengetahui bahawa tentangan yang keras terhadap penubuhan Malaysia adalah datangnya daripada Parti Komunis Indonesia. Tentangan ini tidak hairan kerana kita di Malaysia telah menentang keganasan dan kezaliman Komunis di Tanah Melayu selama dua belas tahun dan kita telah berjaya mengalahkan ancaman Komunis itu. Komunis memang tidak suka kepada keamanan dan ketenteraman—tidak suka rakyat hidup senang dan mewah seperti di Malaysia ini kerana dalam keadaan yang semacam ini Komunis tidak dapat berpengaruh. Komunisem

hanyalah dapat hidup subur di mana ada penderitaan dan kemiskinan. Oleh sebab itu Komunis mensifatkan penubuhan Malaysia ini sebagai satu tikaman kepadanya dan jikalau Malaysia maju jaya Komunis tidak berharap dapat berkuku di Tenggara Asia ini. Inilah sebab-sebabnya mengapa PKI yang dipimpin oleh Aidit menentang keras pembentukan Malaysia. Sebab itu saya harap rakyat Indonesia tidak dipengaruhi oleh tuduhan yang tidak berasas dan dakyah daripada Parti Komunis, yang suka rakyat Indonesia bermusuh dengan rakyat Malaysia.

Rakyat Malaysia tidak mahu bermusuh dengan siapa-siapa dan suka hendak bersahabat dan berhubung rapat, terutama sekali dengan rakyat Indonesia yang disifatkan sebagai saudara-saudara sebangsa dan sedarah daging dengan mereka itu. Malaysia suka kepada keamanan dan ketenteraman supaya Kerajaan dapat menumpu sepenuh tenaganya kepada pembangunan negara untuk kepentingan dan kemajuan rakyat. Konfrantasi iktisad yang dihadapkan oleh pemerintahan Indonesia kepada Malaysia tidak mendatangkan bencana kepada rakyat Malaysia, kerana keadaan politik, ekonomi dan sosial Malaysia sangatlah kukuh dan kuat. Sebaliknya konfrontasi, saya percaya, akan menikam rakyat Indonesia dengan hebatnya kerana kita tahu bahawa ekonomi Indonesia pada masa ini dalam keadaan yang amat menyedihkan. Konfrantasi akan membawa penderitaan yang lebih dahsyat lagi kepada rakyat Indonesia yang sekarang mengalami kesukaran. Rakyat Malaysia sangat sedih mendengarkan keadaan rakyat Indonesia yang menderita itu dan rakyat Malaysia berharap dan berdoa mudah-mudahan rakyat Indonesia dapat hidup dengan senang dan gembira seperti saudara-saudara mereka di seberang Selat Melaka.